

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG**  
**[ LANANG ]**  
**TARIKH : 31 MAC 2015**  
**SOALAN :**

**YB Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam mengatasi infrastruktur dan kekurangan doktor pakar di Hospital Sibu memandangkan banyak pesakit perlu dihantar ke Kuching atau Kuala Lumpur untuk rawatan selanjutnya.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Hospital Sibu adalah Hospital Berpakar Major yang juga merupakan hospital rujukan kepada lapan (8) hingga sepuluh (10) buah hospital yang lain di Wilayah Tengah Negeri Sarawak. Hospital Sibu menyediakan dua belas (12) perkhidmatan kepakaran dan hampir dua puluh (20) perkhidmatan subkepakaran secara lawatan berkala dari pakar-pakar di Hospital Umum Sarawak dan Hospital Kuala Lumpur. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa mengkaji dan menyusuli keperluan infrastruktur semasa di Hospital Sibu berdasarkan perkhidmatan kepakaran yang disediakan. Walau bagaimanapun,

keperluan infrastruktur dan naiktaraf pembangunan di Hospital Sibu dilakukan secara berfasa dan berperingkat tertakluk kepada peruntukan kewangan sedia ada. Ini adalah kerana Kementerian perlu mempertimbangkan keutamaan projek pembangunan dan memberi pengagihan peruntukan mengikut keperluan secara adil bagi 143 buah hospital di bawah seliaan KKM.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sejak lima (5) tahun lepas, projek pembangunan yang telah diterima oleh Hospital Sibu adalah :

- i) Membina dan Menaiktaraf Bangunan Wad Psikiatri Hospital Sibu yang bernilai RM1.4 juta yang telah siap dan beroperasi sepenuhnya pada bulan September 2012; dan
- ii) Membina Bangunan Wad Penyakit Berjangkit serta menaiktaraf Jabatan Patologi Hospital Sibu yang bernilai RM12.78 juta. Bangunan Wad Penyakit Berjangkit dan Jabatan Patologi ini telah diserahkan pada 23 September 2014 dan telah mula beroperasi pada 22 Oktober 2014.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada masa ini, KKM telah berjaya menempatkan seramai 49 orang pakar di Hospital Sibu iaitu:

- 7 orang Pakar Perubatan Dalaman;
- 7 orang Pakar Kanak-Kanak;
- 6 orang Pakar Radiologi;
- 5 orang Pakar Pembedahan Am;
- 5 orang Pakar Obstetrik & Ginekologi;

- 4 orang Pakar Bius;
- 4 orang Pakar Ortopedik;
- 3 orang Pakar Oftalmologi;
- 2 orang Pakar Otorinolaringologi;
- 2 orang Pakar Patologi;
- 2 orang Pakar Psikiatri;
- 1 orang Pakar Perubatan Kecemasan; dan
- 1 orang Pakar Neurosurgeri.

Pelbagai langkah untuk meningkatkan lagi bilangan pakar telah dilaksanakan menerusi pelbagai strategi misalnya:

- i. Pelantikan semula pakar KKM yang telah bersara wajib secara kontrak;
- ii. Pengambilan doktor pakar swasta berkhidmat secara sesional;
- iii. Menggalakkan pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air; dan
- iv. Pengambilan pakar warganegara asing secara kontrak.

Selain itu, Kementerian Kesihatan telah menambah slot tajaan bagi program sarjana perubatan di institusi pengajian tinggi awam dari 450 kepada 600 mulai sesi 2008/2009, 800 orang mulai sesi 2010/2011 dan kini slot tajaan tersebut ditingkatkan lagi kepada 1,000 slot bagi memberi peluang kepada lebih ramai pegawai perubatan mengikuti program sarjana. Sehubungan dengan itu, lebih ramai pakar perubatan dijangka dapat dihasilkan demi meningkatkan lagi mutu dan prestasi perkhidmatan perubatan dalam negara dan lebih ramai pakar dapat ditempatkan di Hospital Sibu pada masa akan datang bagi memenuhi keperluan rakyat di kawasan berkenaan.